

# Siap siaga jentera depan El Nino

IADA guna pendekatan holistik pastikan tanaman padi tidak terkesan ekoran cuaca kering Jun depan

**SABAK BERNAM** – Pembangunan Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor menggunakan pendekatan holistik bagi memastikan tanaman padi tidak terkesan ekoran cuaca kering dan fenomena El Nino yang dijangka melanda negara ini, Jun depan.

Pengarahnya, Elyas Saad berkata, segala keperluan dan jentera akan dipersiapkan bagi menghadapi perubahan cuaca itu sepertimana mereka berjaya menangani kesan cuaca panas pada Mac dan April lalu.

Menurutnya, IADA yang bertindak sebagai agensi penyalaras projek tanaman padi akan dibantu beberapa agensi lain bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan hasil tanaman berkenaan.

“Kita tak bergerak ber-sendirian dalam menghadapi musim kemarau, tetapi kami bergerak dalam pasukan dengan dibantu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Padiberas Nasional Bhd (Bernas),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Sinar Harian* pada Majlis Penyerahan Insentif Projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)-Projek Permulaan (EPP) 11 Musim Satu di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Sabak Bernam, Mohd Fasih Mohd Fakeh dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Besar, Datuk Ramli Norani.

Elyas berkata, kerjasama



**Mohd Fasih (dua, kanan) diperhatikan Elyas (dua, kiri) menyerahkan replika cek kepada Ramli (kanan) pada Majlis Penyerahan Insentif NKEA-EPP 11 Musim Satu di Dewan Seri Bernam.**

daripada semua agensi itu semasa menghadapi musim kemarau lalu membuktikan hasil tanaman padi di kawasan NKEA Barat Laut Selangor tidak terjejas, malah meningkat

kan lagi hasil pengeluarannya.

“Kita bimbang hasil pengeluaran padi di beberapa kawasan NKEA seperti di kawasan Sawah Sempadan, Tanjong Karang akan me-

nurun pada musim kemarau lalu, tetapi apa yang kita peroleh sebaliknya kerana terdapat peningkatan pengeluaran hasil padi,” katanya.

Beliau berkata, antara me-

kanisme yang diambil ketika menghadapi musim kemarau lalu adalah dengan menubuhkan jawatankuasa; mempertingkatkan tahap kecekapan pengurusan air selain menggerakkan mesin dan pam sedia ada.

“Kita juga mewujudkan kumpulan di WhatsApp bagi membolehkan interaksi komunikasi secara terus dengan ketua-ketua pegawai dan ketua blog berhubung masalah yang dihadapi mereka dan ini juga menunjukkan maklum balas positif.

“Dengan penggembelangan ini, kita boleh kata persediaan itu sudah ada tetapi perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan hasil pengeluaran padi tidak merosot akibat faktor cuaca dan sebagainya” katanya.